

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Sabah kini berdepan enam kluster

Satu lagi dikesan di Tongod babit lima rakyat Malaysia dijangkiti

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Putrajaya: Sabah kini berdepan enam kluster COVID-19 yang aktif apabila satu lagi dikesan di Tongod, Sandakan, membabitkan lima rakyat Malaysia dijangkiti, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster baharu dikenali sebagai Kluster Kuarters itu dikenal pasti hasil saringan di sekitar Tongod.

Beliau berkata, ia berikutan ujian dijalankan terhadap seorang petugas kesihatan yang didapati positif saringan Rapid Test Kit (RTK) Antigen pada 4 September lalu.

"Petugas terbabit disaring sebagai saringan rujukan ke hospital, namun ujian pengesahan COVID-19 ke atas beliau iaitu Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR), didapati negatif.

"Saringan di sekitar daerah Tongod yang bermula 6 Septem-

ber lalu itu membabitkan masyarakat setempat, termasuk petugas kesihatan di klinik kesihatan terbabit.

"Lima kes positif dikenal pasti setakat ini, dengan semuanya adalah warganegara. Mereka tidak bergejala dan sudah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan, untuk rawatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, Dr Noor Hisham berkata, seramai 117 individu sudah disaring berkait Kluster Kuarters, dengan 112 masih menunggu keputusan.

Beliau berkata, langkah pencegahan jangkitan, termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan sudah dijalankan di Klinik Kesihatan Tongod.

"Semua pesakit yang ada temu janji di klinik itu sudah dirujuk ke klinik kesihatan berdekatan. Punca jangkitan masih dalam siasatan.

"Perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Tongod akan bermula semula selepas aktiviti



nyah kuman dan proses pemberian tamat kelak," katanya.

Kementerian Kesihatan turut merekodkan 14 jangkitan baharu dalam Kluster Pulau, semalam, menjadikan jumlahnya mencecah 29 kes membabitkan 26 rakyat Malaysia dan tiga warga Filipina.

Selain itu, 12 jangkitan baharu dikesan dalam Kluster Selamat yang membawa kepada jumlah 19 kes membabitkan 18 rakyat Malaysia dan seorang bukan warganegara.

Lima jangkitan baharu dilaporkan dalam Kluster Benteng Lahad Datu (LD) pula, menjadikan jumlahnya 583 kes (290 rakyat Malaysia, 192 warga Filipina dan 101 warga Indonesia).

Satu jangkitan baharu direkodkan dalam Kluster Sungai, semalam, membawa kepada jumlah 74 kes yang semuanya rakyat Malaysia.

Secara keseluruhan, Dr Noor Hisham berkata, 57 jangkitan baharu dilaporkan, semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya

10,276 kes dengan 751 kes aktif.

Katanya, 51 daripada kes baharu itu adalah penularan tempatan membabitkan 45 rakyat Malaysia dan enam bukan warganegara.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, 49 kes di Sabah, Kedah (seorang rakyat Malaysia dalam Kluster Sungai) dan Selangor (seorang bukan warganegara bagi kes saringan prapembedahan di Hospital Kuala Lumpur).

Katanya, enam lagi adalah kes import membabitkan seorang rakyat Malaysia dan lima bukan warganegara.

Sementara itu, sembilan kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan dua memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada pertambahan kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan, hari ini (semalam), dengan jumlah kumulatifnya 130 kes (1.26 peratus).

"Sebanyak 40 kes pulih, menjadikan jumlah kumulatifnya 9,395 kes (91.4 peratus)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Orang ramai digesa lapor, salur maklumat

Kuala Lumpur: Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM) membuka lebih 70 kertas siasatan kes penjualan ubat tanpa preskripsi doktor di seluruh negara sejak 2018 sehingga kini.

Dalam tempoh sama juga, 68 kes membabitkan kesalahan berkenaan dibawa ke mahkamah untuk tindakan pendakwaan dan dikenakan denda berjumlah keseluruhan RM220,050.

Mengikut statistik Program Perkhidmatan Farmasi KKM, sebanyak 68 kes pendakwaan dan 76 kertas siasatan kes penjualan ubat tanpa preskripsi oleh farmasi di seluruh negara direkodkan sepanjang tempoh kira-kira dua tahun itu.

Berdasarkan pecahan kes, sebanyak 29 kertas siasatan dibuka dan 30 kes dikenakan tindakan pendakwaan sepanjang 2018 dengan denda keseluruhan RM60,700, manakala bagi tempoh

2019, sebanyak 39 kertas siasatan dibuka dan 24 kes pendakwaan dibuat dengan denda keseluruhan RM100,350.

Bagi tempoh tahun ini sehingga September, lapan kertas siasatan dibuka dan 14 kes dikenakan tindakan pendakwaan membabitkan denda keseluruhan RM59,000.

Ahad lalu, *BH* mendedahkan pelbagai jenis ubat-ubatan yang sepatutnya hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor, dikesan bukan saja boleh dibeli dengan mudah di farmasi, malah melalui platform beli-belah dalam talian atau laman web.

Ia menimbulkan persoalan bagaimana ubat yang disenaraikan dalam Kumpulan B mengikut Akta Racun 1952 itu boleh dijual sewenang-wenangnya tanpa preskripsi doktor, sekali gus turut mendedahkan pengguna kepada risiko keselamatan kesihatan.

Tinjauan *BH* terhadap beberapa farmasi sekitar ibu negara, men-

dapati sebahagian premis terbabit menjual ubat kategori berkenaan tanpa banyak soal dan pengguna hanya perlu memaklumkan nama ubat sebelum membuat pembelian.

Sehubungan itu, Bahagian Per-



Aduan yang diterima

Program Perkhidmatan Farmasi KKM pula adalah sebanyak 35 pada tahun ini, 64 aduan pada 2019 dan 60 aduan pada 2018.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

khidmatan Farmasi KKM meningkatkan pemilik farmasi agar mematuhi peraturan atau berdepan tindakan siasatan serta pendakwaan di mahkamah.

"Penjualan racun (ubat-ubatan) Kumpulan B untuk tujuan rawatan oleh ahli farmasi berlesen hanya boleh dibuat berdasarkan preskripsi daripada pengamal perubatan berdaftar atau doktor veterinar.

"Ia termaktub dalam peruntukan mengikut Seksyen 21 Akta Racun 1952. Contoh ubat Kumpulan B adalah ubat-ubatan untuk rawatan penyakit seperti darah tinggi dan penyakit jantung," kata bahagian berkenaan.

Katanya, KKM sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis berlesen bagi memastikan kepatuhan pemegang lesen terhadap undang-undang, merangkumi keperluan mengikut Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956."

Dalam tempoh Januari lalu sehingga kini, bahagian itu memaklumkan, 2,798 pemeriksaan dibuat terhadap premis berlesen Jenis A (Farmasi), manakala sebanyak 4,091 pemeriksaan dibuat sepanjang 2019 dan 3,907 pemeriksaan pada 2018.

"Aduan yang diterima Program Perkhidmatan Farmasi KKM pula adalah sebanyak 35 pada tahun ini, 64 aduan pada 2019 dan 60 aduan pada 2018," kata bahagian itu sambil meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes sedemikian menyalurkannya kepada pihak berkuasa.

Maklumat lengkap boleh disalurkan terus kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi negeri atau ibu pejabat melalui talian 03-78413200, selain menerusi portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my>.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : DALAM NEGERI

4

UTUSAN MALAYSIA
 SELASA • 22 SEPTEMBER 2020

Dalam Negeri

Kluster Kuarters pula di Sabah

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengenal pasti satu kluster baharu iaitu Klusters Kuarters yang menular di Tongod, Sandakan, Sabah, seterusnya menjadi penyumbang kepada pertambahan lima kes positif Covid-19.

Kluster itu dikenal pasti hasil saringan yang dijalankan di sekitar daerah itu susulan saringan Covid-19 terhadap seorang petugas kesihatan yang didapati positif ujian saringan RTK Antigen pada 4 September lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit disaring sebagai saringan rujukan ke hospital dan ujian pengesanan Covid-19 terhadapnya (RT-PCR) didapati negatif.

"Saringan di sekitar Tongod



NOOR HISHAM ABDULLAH

bermula pada 6 September lalu melibatkan masyarakat setempat termasuk petugas kesihatan klinik kesihatan tersebut. Lima kes positif Covid-19 dikenal pasti setakat ini.

"Kesemua kes positif (iaitu kes ke-10,253 hingga ke-10,257)

dalam kluster ini merupakan rakyat tempatan. Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan untuk rawatan," katanya dalam laporan terkini mengenai kes Covid-19 di sini semalam.

Menurut Dr. Noor Hisham, seramai 117 individu disaring dengan lima daripadanya dikesan positif Covid-19 manakala 122 individu masih menunggu keputusan.

Jelasnya, langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman serta proses pembersihan dijalankan di Klinik Kesihatan Tongod dan semua pesakit yang mempunyai janji temu di klinik itu dirujuk ke klinik kesihatan berdekatan.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Tongod akan bermula semula

setelah aktiviti nyah kuman dan proses pembersihan tamat kelak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, 57 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan dengan jumlah kes positif sebanyak 10,276 kes sekali gus menjadikan kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 751 kes.

Katanya, enam kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan seorang rakyat tempatan dan lima bukan warganegara.

"Jangkitan dari Indonesia melibatkan tiga kes pendatang asing tanpa izin di Selangor manakala dari United Kingdom, Pakistan dan Zambia masing-masing melaporkan satu kes di Kuala Lumpur," katanya.

Menurutnya, daripada 51 kes penularan di dalam negara, 45 kes adalah rakyat tempatan dan enam kes melibatkan bukan

warganegara.

"Di Sabah, berlaku 49 kes dengan 14 kes daripada Kluster Pulau yang melibatkan 13 rakyat tempatan dan seorang bukan warganegara. Manakala, 12 kes daripada Kluster Selamat yang melibatkan 13 warganegara dan seorang bukan warganegara.

"Lima kes daripada Kluster Benteng Lahad Datu yang melibatkan tiga warganegara dan dua bukan warganegara.

"Selebihnya melibatkan satu hingga dua kes seperti saringan di tahanan lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Beaufort, saringan pelatih pusat rehabilitasi dan kes *Influenza-Like Illness (ILI)* di Klinik Kesihatan Tawau. Di Kedah dan Selangor, masing-masing satu kes di Kluster Sungai dan kes saringan prapembedahan Hospital Kuala Lumpur," jelasnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! SELASA 22 SEPTEMBER 2020

11 daerah jadi zon kuning selain Kluster Kuarters di Tongod pula dikesan

Situasi di Sabah membimbangkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sabah melaporkan pertambahan satu lagi kluster iaitu Kluster Kuarters di Tongod, Sandakan sekali gus menjadikan enam kluster aktif di negeri tersebut.

Selain itu, daerah Tongod dan 10 daerah lain bertukar ke zon kuning semalam.

Daerah terbabit adalah Kota Kinabalu, Sandakan, Tuaran, Beaufort, Kunak, Papar, Semporna, Kudat, Pitas dan Keningau manakala Tawau dan Lahad Datu di zon merah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 57 kes Covid-19 dilaporkan semalam dengan Sabah merekodkan kes tertinggi iaitu 49 kes termasuk daripada kluster baharu tersebut.

Menurutnya, Kluster Kuarters dikenal pasti hasil saringan dijalankan di sekitar daerah Tongod susulan saringan Covid-19 seorang petugas kesihatan yang didapati positif ujian saringan



TINJAUAN kehidupan penduduk di Kampung Tanjung Aru Lama, Kota Kinabalu semalam. – SHIDDIQIIN ZON

RTK Antigen pada 4 September lalu.

"Mangsa disaring sebagai saringan rujukan ke hospital namun, ujian pengesanan Covid-19 ke atasnya (iaitu rt-PCR) didapati negatif.

"Saringan di sekitar daerah Tongod bermula pada 6 September lalu melibatkan masyarakat

setempat termasuk petugas klinik kesihatan seterusnya mengesan lima kes positif setakat ini," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Bellau berkata, kes positif tersebut iaitu kes ke-10,253 hingga ke-10,257 membabitkan warga Malaysia tidak bergejala dan kini dirawat di Hospital Duchess of

Kent, Sandakan.

Katanya, sehingga semalam, sejumlah 117 individu telah disaring dalam kluster tersebut, manakala 112 individu masih menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan telah dijalankan di Klinik Kesiha-



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	57
Import: 6 Tempatan: 51	
• Pulih	40
• Kematian	0
• Masih dirawat	751
• Jumlah kes sembuh	9,395
• Jumlah kematian	130
Jumlah kes keseluruhan	10,276

tan Tongod.

"Semua pesakit yang mempunyai temu janji di klinik tersebut dirujuk ke klinik kesihatan berdekatan.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan, manakala perkhidmatan Klinik Kesihatan Tongod akan bermula semula setelah aktiviti nyah kuman selesai," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Safiey didenda RM23,000 miliki produk tidak daftar KKM

KUALA LUMPUR – Syarikat usahawan kosmetik terkenal, Safiey Ilias didenda sebanyak RM23,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua pertuduhan menjual dan memiliki produk kesihatan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM) pada tahun lalu.

Majistret Mohamad Aizat Abdul Rahim menjatuhkan hukuman denda itu terhadap Safiey atau nama sebenarnya Mohd. Safiuddin Ilias, 26, selepas dia mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan yang disabitkan.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 bagi pertuduhan pertama, manakala RM18,000 bagi pertuduhan kedua.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Safiey selaku orang kena saman (OKS) didakwa telah menjual barangan keluaran yang bukan berdaftar iaitu Aurora SX Premium sebanyak tiga kotak kepada seorang individu dan memiliki sebanyak 112 kotak jenama sama yang melanggar Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Kedua-dua kesalahan tersebut dilakukan di premis miliknya, DSI Empire Sdn. Bhd, Jalan Kolam Air Panas, Desa Melawati di sini pukul 11 pagi, pada 8 Mei 2019.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, OKS didakwa mengikut ke-



SAFIEY ILIAS

salahan di bawah Peraturan 30(1) peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(2) Akta Jualan Dadah 1952 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Safiey tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan dengan alasan perniagaannya sudah tidak berjalan sejak setahun yang lalu selain tu-

rut memaklumkan ada masalah kesihatan.

"Saya mohon maaf kepada mahkamah kerana tidak dapat hadir untuk sebutan kes sebelum ini, saya ada masalah kesihatan," katanya.

Selepas mendengar rayuan Safiey, Majistret Mohamad Aizat kemudian menasihatkan Safiey supaya lebih peka dengan produk kesihatan dan kosmetik yang dijual termasuk keperluan mendaftar dengan KKM.

"Saya berharap kesalahan ini tidak berulang lagi pada masa akan datang, kamu (Safiey) sebagai usahawan kosmetik seharusnya peka kerana produk akan diguna pakai oleh masyarakat umum," jelasnya.

"Tujuan pendaftaran ini (produk kesihatan) adalah untuk menjaga keselamatan pengguna, sebagai contoh kalau ada suplemen atau produk kesihatan dimakan dan memberi bahaya, kamu akan dipertanggungjawabkan," katanya.

Sebelum ini Safiey dikenakan waran tangkap sebanyak dua kali iaitu pada 15 Mei dan 6 Ogos lalu selepas gagal hadir ke mahkamah bagi pertuduhan kes itu.

Dalam prosiding itu pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Ahmad Zuhri Md. Ali daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Catat 57 kes positif

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 57 kes positif baharu jangkitan Covid-19, semalam, menjadikan jumlah kumulatif penularan wabak itu kepada 10,276 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia membabitkan enam kes import dan 51 penularan tempatan dengan Sabah mencatatkan kes tertinggi iaitu 49 kes.

Beliau berkata, enam kes import itu membabitkan seorang warganegara dan lima bukan warganegara iaitu tiga kes pendatang asing tanpa izin (Pati) dari Indonesia dan masing-ma-



DR Noor Hisham

sing satu kes pulang dari United Kingdom, Pakistan serta Zambia.

"Sebanyak 51 kes penularan tempatan yang membabitkan 45 warganegara dan enam bukan warganegara," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Sabah catat satu lagi kluster baharu

Kuala Lumpur: Sabah merekodkan satu lagi kluster baharu di Tongod, Sandakan dan sudah menjangkiti lima individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster dikenali sebagai Kluster Kuarters itu dikenal pasti hasil saringan dijalankan di sekitar daerah Tongod.

Beliau berkata, ia susulan saringan seorang petugas kesihatan yang didapati positif ujian saringan *Rapid Test Kits (RTK) Antigen* pada 4 September lalu.

"Beliau disaring sebagai saringan rujukan ke hospital. Namun, ujian pengesahan Covid-19 ke atas beliau (rt-PCR) didapati negatif.

"Saringan di sekitar daerah Tongod bermula pada 6 September lalu membabitkan masyarakat setempat termasuk petugas klinik

kesihatan," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini lima kes positif Covid-19 (kes ke-10,253 hingga ke-10,257) dan tidak bergejala namun mereka sudah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan untuk rawatan.

Selain itu, beliau berkata, 112 individu disaring dan menunggu keputusan.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyahkuman dan pemberisihan di Klinik Kesihatan Tongod serta pesakit yang mempunyai temujanji di klinik itu dirujuk ke klinik kesihatan berdekatan.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Tongod akan bermula semula selepas aktiviti nyahkuman," katanya

Kluster Kuarters dikenal pasti hasil saringan dijalankan sekitar daerah Tongod

32 positif Covid-19

Empat kluster di Sabah dan Kedah masih catat kes baharu jangkitan koronavirus



Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Empat kluster di Sabah dan Kedah masih mencatatkan kes baharu jangkitan Covid-19 iaitu Kluster Pulau, Selamat, Benteng LD dan Sungai.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 14 kes baharu dilaporkan bagi Kluster Pulau, semalam menjadikan jumlah kes positif kluster itu sebanyak 29 kes.



PENGUNJUNG memakai pelitup muka ketika membeli barangan keperluan di sebuah pasar tani di Kuantan. Memakai pelitup muka ketika berada di tempat tumpuan umum, jaga jarak fizikal antara prosedur operasi standard (SOP) digariskan bagi mengekang penularan Covid-19.

"Seramai 451 individu disaring dalam kluster itu di Kunak dan Semporna, Sabah.

"Daripada jumlah 29 kes positif, 26 adalah warganegara manakala tiga warga Filipina," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Selamat pula merekodkan 12 kes baharu, semalam menjadikan jumlah kes positif kluster itu sebanyak 19 kes.

Beliau berkata, terdapat lima kes baharu dilaporkan bagi Kluster Benteng LD

menjadikan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 583 kes.

Menurutnya, Kluster Sungai di Kedah pula hanya mencatatkan satu kes baharu yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 74 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : PRN SABAH

SINAR HARIAN • SELASA 22 SEPTEMBER 2020

Laporan NORSHAHZURA MAT ZUKI, MOHD HAFIZ ISMAIL, HASNIZA HUSSAIN dan HIDAYAH HAIROM

PRN SABAH

• MENGUNDI AWAL: 22 SEPTEMBER 2020
• HARI MENGUNDI: 26 SEPTEMBER 2020#JanganPutusAsa
#Malaysia

11

'Pemimpin UMNO hanya dikuarantin'

Bung Moktar dakwa keputusan saringan Covid-19 belum diketahui

SHAH ALAM

Seorang pemimpin UMNO dari Semenanjung yang disyaki positif pandemik koronavirus (Covid-19) ketika berkempen di Sabah baru-baru ini kini dikuarantin di sebuah hospital di Kota Kinabalu.

Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Bung Mokhtar Radin berkata, pemimpin berkenaan dilaporkan masih belum disahkan positif Covid-19.

"Saya mendapat maklumat tetapi belum ada pengesahan. Dia cuma disyaki dan belum disahkan positif."

"Belum positif dan dia sudah dikuarantin selama 14 hari," katanya menurut laporan portal *Malaysia Gazette* semalam.

Sementara itu, satu video Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Mohd Razlan Rafii sedang menjalani rawatan di hospital tular menerusi aplikasi WhatsApp semalam.

Dalam video berdurasi 22 saat itu, Mohd Razlan yang kini berada di Sabah bagi kempen PRN ke-16 turut memohon rakan-rakan mendoakan kesia-



Laporan rasmi mengenai dakwaan pemimpin UMNO dijangkiti Covid-19 ketika berkempen pada PRN Sabah masih belum disahkan. Gambar kecil: Bung Mokhtar.

tannya.

Dalam pada itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya masih belum menerima sebarang laporan mengenai perkara tersebut.

"Saya belum dapat laporan lagi mengenai hal itu. Jika ada, (Razlan) perlu diawat sehingga pulih sebelum

pulang ke Semenanjung.

"Sebab itu, saya sentiasa pesan patuhi prosedur operasi standard (SOP) oleh kerajaan," kata beliau.

Ismail Sabri menegaskan Jawatankuasa Kabinet hari ini akan membincangkan isu keselamatan dan kesihatan di Sabah menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN).

Sebelum ini, dilaporkan pemimpin itu didakwa positif Covid-19 selepas berkempen di Parlimen Sipitang.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO itu kini menjalani kuarantin wajib.

Semua kontak rapat pemimpin UMNO itu juga diminta melakukan ujian swab bagi mengelakkan penularan Covid-19.



Tangkap layar daripada video Mohd Razlan yang sedang menjalani rawatan di sebuah hospital di Kota Kinabalu, Sabah semalam.

ANTARA PEMIMPIN BERKEMPEN PADA PRN SABAH



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin



Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali



Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun



Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim

- Ketua Penerangan UMNO, Shahril Suhan Hamdan
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusoff (difahamkan sudah pulang)
- Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein
- Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar

Covid-19 berpotensi besar tersebar ke Semenanjung jika ingkar SOP

SHAH ALAM - Penyebaran wabak koronavirus (Covid-19) dari Sabah ke Semenanjung Malaysia boleh berlaku sekiranya prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh berkempen di Sabah tidak diikuti dengan betul oleh semua pihak khususnya pemimpin parti politik.

Pakar epidemiologi daripada Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud berkata, adalah sukar untuk membendung wabak Covid-19 di Sabah sekiranya SOP tidak dipatuhi.

Jelasnya, berkemungkinan juga penyebaran tetap ada selepas individu terlibat kembali ke Semenanjung Malaysia.

Awang Bulgiba menyarankan agar pihak berkuasa memperketatkan lagi penguatkuasaan SOP di Sabah disebabkan pilihan raya semestinya akan menyebabkan pergerakan yang banyak.

"Sistem E-Covid yang telah dibangunkan oleh KKM (Kementerian Kesihatan) boleh diubah suai untuk membolehkan Klinik Kesihatan yang mempunyai akses internet memantau kes-kes ILI (pesakit Influenza) dan SARI (Jangkitan Pernafasan Akut Teruk) dalam waktu sebenar

serta menyalurkan maklumat berkenaan secara terus kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC).

"Jika CPRC mengesan peningkatan kes ILI dan SARI seperti batuk, demam, sakit tekak, sesak nafas dan selsema yang luar biasa, mereka boleh terus mengerahkan petugas Jabatan Kesihatan untuk membuat ujian saringan Covid-19 dan pengesanan kontak dengan lebih pantas, sekali gus mengelakkan risiko penularan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Namun, kata beliau, sekiranya penularan dalam masyarakat tempatan di Sabah masih meningkat, kemungkinan kuarantin untuk mana-mana pelawat dari negeri itu ke Semenanjung dan Sarawak perlu dipertimbangkan.

Semalam, Anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Mohd Razlan Rafii disyaki dijangkiti Covid-19 selepas berkempen di Sipitang dan kini menunggu keputusan ujian saringan penyakit tersebut.



AWANG BULGIBA

Mohd Razlan bagaimanapun diarahkan menjalani kuarantin selama 14 hari di sebuah hospital di Kota Kinabalu.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Prof Madya Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani dan Pakar Mikrobiologi Klinikal, Profesor Madya Dr Nurul Azmawati Mohamed daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia memaklumkan terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh individu yang terlibat dengan PRN Sabah bagi mencegah penularan Covid-19.

Dalam kenyataan bersama itu, mereka memaklumkan terdapat tiga langkah iaitu sewaktu berkempen, mengundi dan setelah keputusan pilihan raya diumumkan.

"Sewaktu berkempen pastikan ia dijalankan mengikut pematuan garis panduan KKM iaitu memastikan penjarakan fizikal satu meter serta pemakaian pelitup muka bagi mengawal dan mencegah penularan wabak.

"Turut dicadangkan supaya individu atau kumpulan yang berkempen membawa cecair pembasmi kuman dan menggunakannya secara kerap serta elakkan berpelukan serta bersalaman," katanya.

Bagi pengundi, adalah diingatkan untuk mengamalkan perkara sama dan menggunakan cecair pembasmi kuman sebelum dan selepas menggunakan alat tulis untuk memangkah kertas undi pada hari pengundian.

"Peringatan berkala melalui sistem siar raya sepanjang proses pengundian dan poster amalan membersihkan tangan dengan kerap itu hendaklah dilakukan supaya pengundi dapat mengamalkannya.

"Paling penting selepas keputusan pilihan raya diumumkan, elakkan meraikan kemenangan calon dengan melakukan perhimpunan secara besar-besaran kerana kita masih tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

"Meraikan kemenangan dengan menjulang calon yang menang, berpelukan atau bersalaman hendaklah dielakkan sama sekali," kata mereka.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

14

SELASA 22 SEPTEMBER 2020 • SINAR HARIAN



MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster baharu di Sabah

Kluster Kuarters dikesan selepas lima individu positif Covid-19

Oleh TUAN BUQHAIIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu kluster baharu di Sandakan, Sabah selepas lima individu disahkan positif coronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, kluster baharu itu dinamakan Kluster Kuarters.

"Kes indeks merupakan



Lima kes positif yang melibatkan Kluster Kuarters di Tongod, Sabah.

petugas kesihatan yang disahkan positif selepas menjalani saringan menggunakan kit ujian pantas (RTK) antigen pada 4 September lalu.

"Ujian menggunakan RT-PCR ke atas kes indeks didapati negatif. Dia telah disaring sebagai saringan rujukan ke hospital," katanya.

Beliau berkata, KKM telah menjalankan saringan di sekitar daerah Tongod yang bermula pada 6 September.

"Ta melibatkan masyarakat setempat termasuk petugas kesihatan Klinik kesihatan tersebut.

"Setakat ini, sejumlah 117 individu telah disaring manakala 112 individu masih menunggu keputusan saringan," katanya.

Menurutnya, kesemua kes positif iaitu kes ke-10,253 hingga ke-10,257 dalam kluster ini melibatkan warganegara.

"Mereka dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan untuk rawatan," katanya.

Katanya, langkah pencegahan termasuk proses nyahkuman dan pemberihan telah dijalankan di Klinik Kesihatan Tongod.

9 pesakit di ICU, 57 kes baharu

PUTRAJAYA - Seramai sembilan pesakit coronavirus (Covid-19) sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) hospital seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu membabitkan empat pesakit Kluster Sungai dan masing-masing seorang daripada Kluster Tawar, Benteng LD, Pulau, saringan kontak rapat serta Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

"Lima kes dirawat di ICU Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah, dua kes di ICU Hospital Tawau, Sabah dan satu kes di ICU Hospital Pulau Pinang," katanya.

Menurutnya, daripada jumlah itu, dua kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Dua kes yang memerlukan bantuan pernafasan dirawat di Hospital Sul-

tanah Bahiyah, Alor Setar terdiri daripada Kluster Tawar dan seorang lagi daripada Kluster Benteng LD dirawat di Hospital Tawau, Sabah," katanya.

Menyentuh mengenai perkembangan terkini jangkitan Covid-19, Dr Noor Hisham dalam kenyataannya berkata, sebanyak 57 kes baharu dilaporkan.

"Daripada jumlah itu, 51 kes penularan dalam negara dan enam kes import.


"Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes Covid-19 sebanyak 10,276 dengan 751 kes aktif," katanya.

Menurutnya, sebanyak 49 kes daripada 51 penularan dalam negara dikesan di Sabah.

Sementara itu, katanya satu kes pra pembedahan turut dikesan di Hospital Kuala Lumpur membabitkan warga asing.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DIPAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 10,276 | PUJIH: 9,395 | ICU: 9 | KEMATIAN: 130 | KES BAHARU: +57

+Dikemas kini pada jam 6 petang 21 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,219 kes kepada 10,276 kes



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Sistem sokongan mampu atasi kemurungan

SHAH ALAM - Sistem sokongan yang padu daripada keluarga serta rakan sekerja mampu membantu petugas barisan hadapan mengatasi masalah kemurungan yang mungkin dihadapi kesan penugasan sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Pakar psikologi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Fauziah Mohd Saad berkata, ini kerana rata-rata petugas barisan hadapan berdepan dengan kerja yang tidak menentu masa, peningkatan beban kerja, prosedur normal baharu yang perlu dipatuhi oleh mereka sepanjang tempoh tersebut sehingga mencetuskan tekanan.

"Jadi, amat penting untuk membina komunikasi yang baik di tempat kerja dan apabila pulang ke rumah mendapat sokongan moral daripada isteri dan anak.

"Dengan sistem sokongan yang baik di tempat penugasan dan rumah, akan dapat mengurangkan masalah kesihatan mental ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Fauziah berkata, mereka juga perlu memastikan diri cukup rehat, cukup makan dan mempunyai komunikasi yang baik dengan orang sekeliling.

Kelmarin, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali mendedahkan pihaknya di Kementerian Kesihatan (KKM) telah menjalankan ujian saringan Tekanan, Kebimbangan Melampau dan Kemurungan (DASS) terhadap petugas barisan hadapan yang terlibat dalam usaha mengawal penularan wabak Covid-19.

FAUZIAH



Laporan *Sinar Harian* semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

RISING COVID-19 CASES

6TH SABAH CLUSTER SPARKS FEAR

NSC to meet today to discuss severity of situation, says health minister

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE emergence of a sixth cluster in Sabah involving a health worker has raised a new fear that the virus has extended its reach beyond the detention centres, where positive Covid-19 cases were reported in the past.

Earlier, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said a sixth cluster, named the Quarters cluster, was identified in Tongod, Sandakan, and a screening conducted in the district found five positive cases.

With Sabah expected to hold early voting in 55 polling centres today, Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said the National Security Council would meet to discuss the severity of the situation.

"There will be more details on this tomorrow (today)," he said in a short text message to the *New Straits Times*.

Medical experts have sounded a heightened state of alert, with a full state-wide lockdown proposed to contain the spread.

The Malaysian Medical Association suggested a state-wide lockdown as more new clusters have emerged, aside from cases that now seemed widespread.

Its president, Dr N. Ganabaskaran, said the authorities should step up enforcement of the standard operating procedures (SOP), especially in areas where political events are being held.

"Political leaders should be responsible and ensure the safety of the people. They should set a good example. It would be better to find other ways of campaigning other than holding ceramah."

"Now is not the time to attract crowds. The safety of the people must remain a top priority."

Dr Ganabaskaran said the people of Sabah, too, must not let

their guard down and should take the SOP seriously.

"The country cannot afford another Movement Control Order," he said.

Malaysian Muslim Doctors Organisation president Datuk Dr Ahmad Shukri said Sabahans must be responsible and cooperate to ensure that efforts by the Health Ministry achieved its goal.

"We believe in the government's measures and preparations, especially by the Health Ministry. But what is most important now is that people must be alert, be aware and have a sense of responsibility."

He reminded the public to remain cautious and follow measures enforced by the government, especially on polling day.

While a majority of the cases were found in Sabah's east coast, several people had also tested positive in Kota Kinabalu.

With the new cases from the Quarters cluster, Sabah once again recorded the highest number of positive Covid-19 cases in the country as the state election drew closer.

Yesterday, the Health Ministry recorded 57 new cases, 49 of which were in Sabah. The Pulau cluster in Kunak logged 14 new cases, while the Selamat cluster saw 12 cases. The Benteng LD cluster (Lahad Datu and Tawau) recorded five new cases.

Dr Noor Hisham said two patients with severe acute respiratory illness were found positive at Queen Elizabeth Hospital, and another case was found in a pre-surgery screening at the Women and Children's Hospital in Likas, about 11km from the Kota Kinabalu city centre.

Elaborating further on the Quarters cluster, he said the health worker from Tongod tested positive on Sept 4 during an RTK Antigen screening.

"This worker was screened upon referral to the hospital. However, the confirmation test through rt-PCR screening proved negative. The screening done around the Tongod district, which started on Sept 6, involved the local community, including staff at the local health clinic."

"All the positive cases (Cases



10,253 to 10,257) in this cluster are Malaysians. They were asymptomatic and were admitted to Duchess of Kent Hospital in Sandakan for treatment."

Other cases in Sabah were found in the Beaufort district police station lock-up, Lahad Datu Hospital (from screenings of health workers), Tawau Health Clinic, a rehabilitation centre (from screenings of trainers) and a Tawau Hospital referral.

Elsewhere in the country, one individual linked to the Sungai cluster in Kedah was found positive and one tested positive from a pre-surgery screening at Kuala Lumpur Hospital.

The ministry also recorded six imported cases, involving returnees from Indonesia (three in Selangor), and one each from the United Kingdom, Pakistan and Zambia (in Kuala Lumpur).

The 57 new infections brought the cumulative number of cases in the country to 10,276 cases, with 751 still active.

From the total of new infections, 46 involved Malaysians and 11 were foreigners. Nine patients were currently warded in the Intensive Care Unit, with two needing ventilators.

No new deaths were reported.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEWS/NEWS IN BRIEF

Covid-19 frontliners tested for depression

BAGAN SERAI: The Health Ministry has conducted the Depression Anxiety Stress Scale (DASS) test on frontliners involved in efforts to fight Covid-19. Deputy Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said apart from the ministry's staff, the test also involved policemen and the armed forces. "Tests are done on staff whose family members tested positive for Covid-19. DASS has 22 questions that need to be answered to find out the level of depression. Those with serious depression will be referred to medical experts," he said after closing the Ride Merdeka and Malaysia Day events near here on Sunday. He said the National Health and Morbidity Survey 2019 found that 2.3 per cent or 500,000 people in the country suffered from depression. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

THE STAR, TUESDAY 22 SEPTEMBER 2020

Nation 3

Celebrating peace for UN's 75th anniversary

KUALA LUMPUR: The 75th anniversary of United Nations was marked together with the International Day of Peace by the Pan Pacific and Southwest Asia Women's Association (PPSEAWA).

In a low-key event here yesterday, PPSEAWA celebrated this year's International Day of Peace, which takes place every Sept 21.

This year's celebration, which took on the theme "Shaping Peace Together", is aimed at spreading compassion, kindness and hope, especially in the face of the Covid-19 pandemic.

In her opening remarks, PPSEAWA vice-president Dr Jayanthi Krishnan said the theme of this year's celebration was very apt.

"Let us have compassion and spread peace so that we can live in a harmonious environment and not as each other's enemies," she said, adding that the enemy was Covid-19.

Deputy Health director-general,

Datuk Dr Chong Chee Keong said Malaysia was dealing with Covid-19 well so far, but should not lose focus.

"To continue the success achieved so far, we must all become our own frontliner and quickly adapt to the new normal," he said in his speech.

"We should not only be united when facing a common enemy (Covid-19) but we should pledge to show the same unity long after Covid-19 is conquered."

Stefan Priesnar, the United Nations' Resident Coordinator for Malaysia, Singapore and Brunei, said International Peace Day was observed worldwide and served as a reminder that peace should never be taken for granted.

"Peace has not completely been achieved in global society but the UN has contributed hugely to prevent conflicts, including multiple closed peacekeeping missions," he said in his speech.



Wishing for global peace: (From left) Dr Jayanthi, Priesnar and Dr Chong cutting a cake to celebrate UN's 75th anniversary. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

Priesnar also thanked Malaysia for its excellent contribution to peacekeeping missions, with Malaysians clad in blue helmets currently serving in Lebanon and western Sahara under the UN banner.

"The blueprint to avoid conflicts and achieve a better and more sustainable future is by incorporating the Sustainable Development Goals (SDG)," he said, adding that the Malaysian government had been aligning its strategies with the SDG.

In conjunction with the United Nations' 75th anniversary, the public are invited to take a minute-long online survey to share their thoughts on the issues the UN should focus on for the next 25 years at UN75.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

THE STAR, TUESDAY 22 SEPTEMBER 2020

Nation 9

Covid-19: Current situation globally

(As at 7pm Sept 21, 2020)

Covid-19: Current situation globally							New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered		
(As at 7pm Sept 21, 2020)							Malaysia	57	10,276	130	9,395	
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Myanmar	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	290,190	248,852	85,291	78,657	57,607	23,045	5,805	3,506	1,068	275	145	23
Deaths	4,999	9,677	4,634	1,500	27	385	94	59	35	0	3	0
Recovered	230,233	180,797	80,484	71,030	57,181	20,248	1,260	3,342	942	274	142	22
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Peru	Colombia	Mexico	South Africa	Spain	Argentina		
Confirmed cases	7,004,990	5,487,580	4,544,629	1,109,595	768,895	765,076	697,663	661,211	659,334	631,365		
Deaths	204,118	87,909	136,895	19,489	31,369	24,208	73,493	15,953	30,495	13,053		
Recovered	4,250,421	4,396,399	3,851,227	911,973	615,255	633,199	499,302	590,071	N/A	488,231		

Sabah cases continue to rise

State sees 49 more cases and new cluster in Sandakan

PUTRAJAYA: The Covid-19 situation in Sabah continues to intensify, with 49 more cases and a new cluster reported in Sandakan.

This comes amid the Sabah state election, which is currently in its campaigning period and is set to go to polls on Saturday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the 49 cases in Sabah were out of the 57 new cases recorded in the country yesterday.

Two others were from Kedah and Selangor, while six others were imported cases.

On the new cluster – dubbed the Quarters cluster – Dr Noor Hisham said it was detected in the Tongod

district in Sandakan and five cases were linked to it so far.

"The Quarters cluster was identified following a Covid-19 screening which was conducted around the Tongod district, after results on the antigen RTK (rapid test kits) found a healthcare worker positive on Sept 4.

"The worker, however, tested negative on the RT-PCR (reverse transcription-polymerase chain reaction) test.

"The screening around Tongod district was initiated on Sept 6 and involved locals in the area, including healthcare workers from the same clinic.

"Five positive cases have been

detected, and all are Malaysians. They are all asymptomatic and have been admitted to the Duchess of Kent Hospital in Sandakan," said Dr Noor Hisham in a statement yesterday.

The source of the infection is still being investigated.

With the addition of the Quarters cluster, seven out of the country's 14 active clusters are in Sabah.

Malaysia's current biggest and most active cluster, the Benteng Lahad Datu (LD) cluster, has reported five more cases bringing its total to 583 cases.

The cluster mainly involves inmates at the Lahad Datu police headquarters' lock-up and the

Tawau prison.

The Pulau cluster saw 14 new cases bringing its total to 29.

The cluster started with a 68-year-old woman who was found unconscious at home and taken to the Kunak hospital.

She was later referred to the Tawau hospital and tested positive for Covid-19 on Sept 13. The infection then spread among her family members.

The Selamat cluster reported 12 new cases, which means cumulatively it has 19 cases.

The index case for this cluster is a 32-year-old woman who was found positive for Covid-19 on Sept 14 at the Tawau Hospital.

Govt urged to plan Covid-19 vaccine recipient list

PETALING JAYA: The government must determine which 20% of Malaysians will be given Covid-19 vaccinations once it is made available, says the Malaysian Medical Association (MMA).

In a statement yesterday, MMA president Dr N. Ganabaskaran said there was a need to determine which vulnerable or high-risk groups would be given priority for vaccination.

"This can be a challenge and important decisions will need to be made in the near future," he said, noting that the universal approach would be to prioritise vulnerable groups.

"Who will fall under the category of 'vulnerable' or 'high-risk' will need to be determined and listed in proper order, and this needs to be well planned ahead of vaccine distribution," he said.

While lauding the government's move to join 172 countries in the global Covax Covid-19 vaccine access plan co-led by the World Health Organisation, he said there was still a need for the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) to work closely with the Health Ministry on the matter.

"Apart from consulting experts and professional groups, the government is urged to engage stakeholders and gather public feedback," he said, adding that there should be regular public updates on the status of the Covax plan.

"The public should be involved in the decision-making process," said Dr Ganabaskaran, who added that the MMA also supported Mosti's suggestion for the vaccine to be made free.

Under the Covax vaccine plan, countries will have access to the vaccine, subject to funding availability, and funded countries will receive enough doses to vaccinate up to 20% of their population in the longer term.

Penang school works to halt virus spread

By K. KASTURI DEWI
and IMRAN HILMI
north@thestar.com.my

GEORGE TOWN: All necessary steps have been taken to contain the spread of Covid-19 at a primary school in Bukit Jambul after one of its pupils tested positive on Saturday.

SJK(C) Min Sin's board of governors chairman Datuk Dr Yee Thiam Sun said the school would do everything to contain the spread of the virus.

"The school and the headmaster must be commended for taking immediate action on the matter.

"They followed all the standard operating procedures (SOP) recommended by the state Health Department and Education Department in taking steps to prevent any further cases in the school," he said in a press conference at Wisma St John at Jalan Grove here yesterday.

Dr Yee said the school would be engaging a professional company to sanitise its premises in a day or two following a disinfection exercise by the state Health Department on Sunday.

He added that the infected pupil's classmates and teachers of the particular class had undergone Covid-19 tests yesterday.

Dr Yee said the school remained open but attendance was low.

"I want the pupils, teachers and parents not to be unduly alarmed as the chances of the girl infecting others is almost nil.

"She was asymptomatic when the first test was conducted on Sept 16. She only tested positive in the second test on Saturday.

"The girl stopped going to school since Sept 16.

"She was infected after her uncle, who returned from Sandakan tested positive on Sept 15," he said.

Dr Yee said the Education Department allowed pupils to take leave if they were not comfortable going to school.

He said the school also encouraged pupils to study at home.

Meanwhile, Batu Uban assemblyman A. Kumaresan said the school was operating as usual and following the SOP as advised by the Health Ministry.

He urged parents not to panic as the school was adhering to guidelines set by the authorities.



Keeping clean: State Health Department personnel conducting a disinfection exercise at the school in Bukit Jambul.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Another cluster surfaces in Sabah, six in total

KUALA LUMPUR: Another Covid-19 cluster has surfaced in Sabah, making it the sixth cluster in the state.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said the latest cluster, named the Kuarters Cluster, was found in Tongod, Sandakan. Five positive cases have been reported following screening done in the district.

He said on Sept 4, a health worker from Tongod tested positive during an RTK Antigen screening.

"This worker was screened upon

referral to a hospital. However, the confirmation test through rt-PCR screening proved negative. The screening done around the Tongod district that started on Sept 6 involved the local community, including staff at the local health clinic.

"All the positive cases (cases 10,253 to 10,257) in this cluster are Malaysians. They were asymptomatic and were admitted to the Duchess of Kent Hospital in Sandakan for treatment," he said in a statement.

So far, 117 individuals have been

screened involving this cluster, with 112 of them awaiting results while the index case is still being traced.

Prevention measures, including disinfection and cleaning, have been undertaken at the Tongod Health Clinic. All patients having appointments there have been referred to the nearest health clinic.

"Health services at the Tongod Health Clinic will resume when the disinfection and cleaning operations have been completed," he said.

On developments involving

clusters in Sabah, Noor Hisham said of the 57 new cases reported yesterday, 14 were from the Pulau Cluster, thus bringing cumulative cases there to 29 (26 Malaysians and three Filipinos).

To date, 451 individuals have been screened involving 371 in Kunak, including the 14 new cases there, and 80 in Semporna.

He also said 12 new cases were reported yesterday involving the Selamat Cluster, bringing the tally of positive cases there to 19, with 215 individuals screened so far.

Noor Hisham added five new cases were reported from the Benteng LD Cluster yesterday, bringing the total number of positive cases there to 583 after 9,610 people were screened.

"In Kedah, only one new case was reported from the Sungai Cluster, bringing the total number of positive cases involving this cluster to 74, with 24,699 people screened as of noon yesterday," he said.

The Sungai Cluster involves the states of Kedah, Penang and Perlis in the peninsula.